

Ruj. : AKKM:MAPA 2/5/16 Jld.1 (34)
Tarikh : 13 Mei 2022

Semua Perwakilan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022)

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-36 (MAPA 2022)

Dengan hormatnya surat Pemberitahuan MAPA Ke-36, bilangan AKKM: MAPA 2/5/16 (1) bertarikh 30 Disember 2021 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022) akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 28 Mei 2022 (Sabtu)
Masa : Bermula jam 9:00 pagi
Tempat / Kaedah : Aplikasi *Tele-Conferencing Zoom Meeting*

3. Bersama-sama surat ini disertakan buku dan dokumen berikut :

- a. **LAMPIRAN 1** - **Atur Cara Hari Pendaftaran Dan Majlis Perasmian**
- b. **LAMPIRAN 2** - **Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022)**
- c. **LAMPIRAN 3** - **Pautan Buku Laporan dan Dokumen MAPA Ke-36 2022**
 - i. Buku 1 - **Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-35 (MAPA 2021)**
 - ii. Buku 2 - **Laporan Tahunan ANGKASA 2021**
 - iii. Buku 3 - **Laporan Kewangan 2021 dan Belanjawan 2024**
 - iv. Buku 4 - **Pencalonan dan Usul**
 - v. Buku 5 - **Rancangan Perniagaan ANGKASA**
 - vi. Buku 6 - **Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil**

4. Sehubungan dengan itu, semua perwakilan dikehendaki mendaftar diri untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022) secara dalam talian pada **27 Mei 2022 bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang** dengan menggunakan pautan <https://www.sola.my/mapa/> dan **KATA LALUAN** untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022) akan diperolehi setelah pendaftaran dibuat.

5. Perwakilan **hendaklah** menggunakan pautan yang sama bagi pengundian Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-36 (MAPA 2022) dengan memasukkan **Kata Laluan** yang akan diberi semasa agenda pengundian dijalankan. Perwakilan adalah diingatkan menggunakan nombor telefon bimbit yang didaftarkan semasa hari pendaftaran.

6. Sebarang maklumat lanjut YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan boleh menghubungi En. Mohd Hishamizan Yahya / En. Hazim Abdul Halim / En. Azman Ahamad / Pn. Irwani Abd. Malik / En. Mohd Izham Ali di Unit Pengurusan Mesyuarat Bahagian Sekretariat melalui talian 03-7454 8206 / 7884 6453 / 6463 / 78007 884 dan emel: mesyuaratagung.angkasa@gmail.com. Manakala pertanyaan semasa MAPA, boleh menghubungi kaunter pertanyaan di talian 03- 7454 8223 / 8224 / 8225 / 8226 / 8227 / 8228

Atas segala kerjasama dan sokongan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan diucapkan ribuan terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



HASNAN HAJI MUSTAPHA
Setiausaha Eksekutif

s.k. : Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pengerusi
Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA

Timbalan Pengerusi
Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA

**SYARAT DAN KELAYAKAN PERWAKILAN MENGHADIRI
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-36 (MAPA 2022)**

1. KELAYAKAN MENYERTAI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN (MAPA)

Hanya perwakilan yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA): [UUK 26 (1) (a) (b) (c)]

- (a) Tiap-tiap anggota Lembaga ANGKASA selagi mana tiada kekosongan dalam jawatannya;
- (b) Tiap-tiap anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri setiap Negeri selagi mana tiada kekosongan dalam jawatannya; dan
- (c) Tiap-tiap Perwakilan Negeri selagi mana tiada kekosongan dalam jawatannya.

2. BILANGAN WAKIL

Bilangan Perwakilan Negeri bagi sesuatu Negeri yang layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah tidak melebihi bilangan tiga puluh peratus jumlah koperasi anggota aktif dalam Negeri itu [UUK 26 (A)(2)].

3. SEKATAN PENYERTAAN SEBAGAI PERWAKILAN

Mana-mana koperasi;

- (a) Koperasi dorman dalam senarai Suruhanjaya mengenai koperasi dorman pada tarikh yang ditentukan Lembaga ANGKASA;
- (b) Koperasi tidak aktif dalam senarai Suruhanjaya mengenai koperasi tidak aktif pada tarikh yang ditentukan Lembaga ANGKASA; dan
- (c) Koperasi anggota yang tidak mengadakan mesyuarat agung tahunannya dalam masa tiga puluh enam bulan sebelum tarikh sesuatu Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA untuk sesuatu tahun,

Tidak berhak menyertai melalui perwakilannya, pemerhatinya, wakil calonnya, jurucakapnya atau orang lainnya yang layak menyertai, mana-mana Mesyuarat Agung Perwakilan, Mesyuarat Agung Negeri atau mana-mana mesyuarat ANGKASA untuk tahun itu. [UUK 19]

4. PENDAFTARAN PERWAKILAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-36 (MAPA) 2022

Pendaftaran perwakilan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA) hendaklah dibuat sehari sebelum MAPA iaitu pada 27 Mei 2022 bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang melalui link <https://www.sola.my/mapa/>. Bagi perwakilan yang telah berjaya mendaftar akan memperolehi Kata Laluan untuk menyertai MAPA pada 28 Mei 2022.

**ATUR CARA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-36 (MAPA 2022)**

**HARI PERTAMA
27 MEI 2022 (JUMAAT)**

PENDAFTARAN

- 8:00 pagi - 5:00 petang - Pendaftaran Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022)
Melalui link <https://www.sola.my/mapa/>

**HARI KEDUA
28 MEI 2022 (SABTU)**

**MAJLIS PERASMIAN DAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-36
(MAPA 2022)**

- 7:00 pagi - 9:30 pagi - Daftar Masuk Perwakilan
Melalui link <https://www.sola.my/mapa/>
- 9:30 pagi - 10:30 pagi - Bacaan Doa
- Ucapan Aluan Presiden
- Ucapan Perasmian
- 10:30 pagi - Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022) bermula
- 1:00 petang - 2:00 petang - Rehat / Solat
- 2:00 petang - 4:30 petang - Sambungan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-36 (MAPA 2022).

AGENDA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-36 (MAPA 2022)

- | <u>BIL.</u> | <u>AGENDA</u> |
|--------------------|--|
| 1. | Mengesahkan Minit MAPA Ke-35 (MAPA 2021) Pada 13 November 2021. |
| 2. | Memilih : |
| 2.1 | Memilih Seorang Presiden; |
| 2.2 | Seorang Anggota Lembaga; |
| 2.3 | Memilih enam orang daripada Perwakilan Negeri dan empat orang daripada Lembaga ANGKASA sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan; dan |
| 2.4 | Mengesahkan Pelantikan Lembaga mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). |
| 3. | Menimbang Laporan Lembaga ANGKASA dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Dari 1 Januari 2021 Hingga 31 Disember 2021. |
| 4. | Menimbang Dan Meluluskan: |
| 4.1 | Penyata Kewangan ANGKASA, Penyata Kewangan Subsidiari dan Penyata Kewangan Yayasan ANGKASA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021 Beserta Laporan Juruaudit Luar. |
| 5. | Menimbang dan Meluluskan: |
| 5.1 | Anggaran Belanjawan ANGKASA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024; |

BIL.

AGENDA

- 5.2 Anggaran Belanjawan Modal Aset Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024; dan
- 5.3 Anggaran Belanjawan Elaun Anggota Lembaga dan JAD ANGKASA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.
6. Menimbang dan Meluluskan Anggaran Cadangan Elaun Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Subsidiari dan Yayasan ANGKASA 2024.
7. Meluluskan Pelantikan Suatu Panel Yang Terdiri Daripada Tidak Kurang Daripada Dua Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun ANGKASA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.
8. Menetapkan Had Pelaburan RM1 Billion.
9. Menentukan Had Maksimum Keterhutangan RM1 Billion.
10. Menimbang dan Meluluskan Rancangan Perniagaan ANGKASA.
11. Mendengar dan Memutuskan Apa-Apa Usul Daripada Lembaga ANGKASA dan Usul Negeri Yang Diterima Daripada Sesuatu Negeri.
12. Menimbang dan Meluluskan Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA

SILA MUAT TURUN
BUKU MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA
KE-36 (MAPA 2022)

- i. **Buku 1 - Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-35 (MAPA 2021)**
- ii. **Buku 2 - Laporan Tahunan ANGKASA 2021**
- iii. **Buku 3 - Laporan Kewangan 2021 dan Belanjawan 2024**
- iv. **Buku 4 - Pencalonan dan Usul**
- v. **Buku 5 - Rancangan Perniagaan ANGKASA**
- vi. **Buku 6 - Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil**

MENGGUNAKAN PAUTAN DI BAWAH:

<http://angkasa.coop/bm/MAPA>